


MPH terbit buku kedua Dr. Mahathir

UM - 18/11/2021 m/a: 36



BUKU tulisan Dr. Mahathir Mohamad dengan kerjasama MPH Group.

PETALING JAYA: MPH Group Publishing sekali lagi bekerjasama dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menerbitkan buku terbaharunya, *Capturing Hope: The Struggle Continues for A New Malaysia*.

Walaupun bukan sekuel kepada *A Doctor in the House* yang paling laris: *The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad*, ia merupakan kronologi daripada memoir tersebut.

Menurut MPH, dalam buku tersebut, Mahathir cuba menerangkan mengenai kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kali kedua beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia.

Buku itu bermula selepas persaraan beliau daripada dorongannya untuk menolak peperangan dan mempromosi-

kan keamanan, kemudiannya kemasukan semula ke dalam politik, kemenangan PH dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan kembalinya beliau ke jawatan perdana menteri, kepada peristiwa yang membawa kejatuhan kerajaan PH dan kedudukan Malaysia hari ini.

“Pada asalnya, sekuel kepada *A Doctor in the House* telah dirancang, tetapi kerana perubahan dalam kerajaan dan pandemik pada awal 2020, kandungan buku itu juga terpaksa diubah.

“Dr. Mahathir juga merenung beberapa topik yang beliau sifatkan seperti ‘berdiri di tengah-tengah masalah’ yang sedang dihadapi negara dan melahirkan harapan agar generasi baharu akan meneruskan perjuangan

untuk memperbaiki negara,” menurut kenyataan itu.

Tambah MPH, memandangkan peranan besar Dr. Mahathir dalam sejarah dan politik Malaysia, pihaknya sangat teruja untuk mengumumkan penjualan buku itu selepas menyembunyikannya selama berbulan-bulan.

“Kami percaya masih ramai yang mahu mengetahui pemikirannya tentang hal ehwal Malaysia semasa dan masa depan negara, dan maklum balas orang ramai,” ujarnya.

Capturing Hope boleh didapati di semua kedai buku utama di Malaysia dan Singapura dengan harga RM100 senaskhah (versi kulit keras).

Untuk maklumat lanjut tentang buku, sila layari <https://www.mphpublishing.com/>.